



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Terengganu

INFO US\$AHAWAN

usahawan pemacu ekonomi mapan



BULETIN ADALAH HAK MILIK KEKAL MASMED UiTM CAWANGAN TERENGGANU



APA PERLUNYA LOGISTIK HALAL PADA USAHAWAN?

Noor Malinjasari Binti Ali¹, Raslina Mohamed Nor¹, Ruzaidah Sulong¹, Hasmida Mohd Noor¹, Siti Fatimah Mardiah Hamzah¹, Suzila Mat Salleh¹, Afif Zuhri Muhammad Khodri Harahap, Kardina Kamaruddin²

¹Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu, Kampus Dungun, Terengganu, Malaysia

²Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Kedah, Kedah, Malaysia

Koresponden emel: noorm726@uitm.edu.my

Perkataan halal asalnya daripada Bahasa Arab yang bermakna dibolehkan atau dibenarkan. Halal adalah perkara atau tindakan yang dibenarkan oleh syariah atau undang-undang Islam. Halal bukan hanya pada bahan ramuan dalam produk makanan malahan meliputi semua perkara. Menurut Halal Development Centre (HDC) 2012, menyatakan halal meliputi semua perkara sama ada makanan atau bukan makanan yang perlu mematuhi undang-undang Islam. Ia meliputi juga aktiviti logistik untuk produk halal.

Aktiviti logistik mencakupi keseluruhan aktiviti rantaian bekalan dan sebagai cara untuk memastikan produk yang diberikan kepada pelanggan akhir merupakan produk yang halal dan toyyiban (bersih lagi halal dan bermutu). Kesemua bahagian dalam halal rantaian bekalan perlu diuruskan mengikut amalan halal yang terbaik termasuk aktiviti logistik. Ia merangkumi pengangkutan halal, gudang halal dan peruncitan halal. Kenapa perlunya kepada logistik halal ini pada usahawan?

Ini adalah kerana yang pertama ia merupakan sumber perniagaan yang boleh menjana keuntungan kepada usahawan kerana permintaan terhadap produk halal semakin berkembang dan meningkat akibat kepesatan industri halal. Sebanyak USD500 billion diperlukan untuk memenuhi permintaan yang semakin meningkat untuk produk halal. Untuk bersedia kepada operasi yang inovatif iaitu pertukaran daripada logistik tradisional kepada logistik halal terutama dalam industri makanan, pemain logistik di Malaysia perlu bersedia dalam beberapa aspek bagi melaksanakan logistik halal. Ini adalah untuk memastikan pemain industri makanan boleh mengekalkan perniagaan dengan operasi logistik halal dalam tempoh yang lama.

Yang kedua, peningkatan pendapatan dan kuasa membeli yang tinggi di kalangan pengguna Muslim menjadikan permintaan kepada produk dan bahan halal turut meningkat. Tambahan pula kesedaran pengguna Muslim mencari barangan yang halal untuk mencari redha Ilahi menjadikan produk halal semakin mendapat tempat. Di Malaysia sahaja kita melihat jualan tudung yang meraih keuntungan berjuta kerana kesedaran rakyat mengenai konsep menutup aurat semakin tinggi.

Yang ketiga adalah beberapa peristiwa di mana terdapat penipuan pada produk halal menjadikan pengguna Muslim semakin berhati-hati dalam mencari produk yang betul-betul terjamin kehalalannya sama ada melalui label JAKIM (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia) atau memeriksa kandungan produk tersebut dengan teliti. Namun yang menjadi permasalahannya sekarang adalah peniaga terutama di Malaysia masih lagi belum bersedia untuk menjayakan produk halal yang hakiki dalam erti kata yang sebenarnya.

Pada tahun 2012, Malaysia Halal Industry Development Corporation atau Syarikat Pembangunan Industri Halal di Malaysia menyenaraikan hanya lima operator logistik yang diberikan sijil Halal JAKIM untuk aktiviti logistik halal dan hanya satu syarikat yang disenaraikan pada suku pertama 2013. Statistik ini menunjukkan syarikat logistik yang melibatkan diri dalam industri halal adalah kecil dan tidak boleh meneruskan operasi logistik mereka menurut kehendak dan peraturan JAKIM untuk tempoh yang lama. Masalah ini terjadi mungkin berpunca daripada kurangnya persediaan daripada syarikat logistik mengenai aspek pengurusan halal dan pelbagai faktor lain memandangkan logistik halal dipertimbangkan sebagai satu kaedah inovasi dalam operasi logistik kepada pemain logistik,

Untuk memastikan halalal toyyiban pada produk makanan, sedikit penambahbaikan perlu dilaksanakan pada rantai bekalan untuk produk halal. Untuk menyediakan perkhidmatan logistik terbaik untuk produk halal, ada beberapa faktor perlu dipertimbangkan. Sebagai satu organisasi, pemain logistik perlu bersedia kepada pelbagai aspek seperti faktor teknologi, faktor alam sekitar, faktor pengurusan dan faktor kerajaan apabila mereka ingin mengubah kepada pengangkutan halal dan logistik halal di Malaysia (Tan et al, 2012). Sebagai tambahan, lain-lain faktor seperti kepercayaan ahli organisasi, sikap dan niat untuk berubah juga penting untuk dipertimbangkan (Weiner, 2009).

Persepsi kepada perubahan, wawasan, saling menghormati dan saling mempercayai, sokongan pengurusan, penerimaan dan bagaimana organisasi berupaya menangani perubahan juga antara perkara yang perlu dipertimbangkan (Susanto, 2008). Budaya organisasi, polisi dan prosedur, pengalaman lepas, dan struktur dalam organisasi antara faktor yang mempengaruhi pemain logistik dalam melaksanakan logistik halal. Holt et al (2007) berpendapat bahawa kesediaan organisasi adalah dipengaruhi oleh keupayaan pekerja untuk melaksanakan perubahan, mencadangkan perubahan yang bersesuaian untuk pemimpin organisasi yang iltizam terhadap perubahan, dan lantas menjayakannya.

Sebagai kesimpulan, logistik halal adalah perlu kepada organisasi dewasa ini kerana impak positifnya lebih ketara dalam membawa perubahan kepada organisasi dan faedah kepada rakyat Muslim yang ramai di dunia ini.

Rujukan

- [1] Halal Industry Development Corporation (2012). List of Halal Logistics Companies. Retrieved May 24, 2012 from <http://www.hdcglobal.com/publisher/alias/?dt.driverAction>.
- [2] Holt, D. T., Armenakis, A. A., Field, H. S., & Harris, S. G. (2007). Readiness for organizational change: The systematic development of a scale, *The Journal of Applied Behavioural Science*, 43, 232-255.
- [3] Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2012). Definisi Halal dan Halalan Toyibban. Retrieved December 22, 2012 from <http://www.halal.gov.my/v3/>
- [4] Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2005). Halal: Antara Tuntutan Agama dan Strategi Ekonomi. Paper presented at Department of Islamic Development Malaysia, Malaysia.
- [5] Susanto, A. B. (2008). Organizational Readiness for Change: A case Study on Change Readiness in a Manufacturing Company in Indonesia. *International Journal of Management Perspective*, 2 (1), 50-61.
- [6] Tan, M. I. I., Razali, R. N. & Desa, M. I. (2012). Factors influencing ICT adoption in Halal transportation: A Case Study of Malaysia Halal Logistics Service Provider. *International Journal of Computer Science Issues*, 9 (2), 62-71.
- [7] Weiner, B.J. (2009). A Theory of Organization Readiness for Change. *Implementation Science*, 4 (67), 1-9.

